

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

**JMK 222 – Fiksyen Indonesia Moden**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

1. *Sitti Nurbaya* karya Marah Rusli membicarakan bagaimana adat dimanupulasi oleh golongan-golongan oportunistis dan membelenggu golongan-golongan yang berpendidikan moden. Novel ini merupakan kritikan pengarang terhadap adat yang mengongkong masyarakat penganutnya. Bincangkan sejauh manakah adat mempengaruhi tindakan watak-watak utama serta pergolakan jiwa yang dialami ?  
(25 markah)
2. “Sanikem yang lama makin lama makin lenyap. Mama tumbuh menjadi peribadi baru dengan penglibatan dan pandangan baru” (halaman 84 *Bumi Manusia* karya Pramoedya Ananta Toer). Bincangkan secara terperinci perubahan mental dan fisikal seorang Nyai Belanda dari identiti asli sebagai Sanikem kepada peribadi baru Nyai Ontosoroh yang dapat berdikari.  
(25 markah)
3. Isu emansipasi wanita menjadi fokus novel *Belenggu* karya Armijn Pane. Bincangkan bagaimana isu ini membelenggu kehidupan watak-watak wanita dalam novel ini.  
(25 markah)
4. “*Survival of the fittest*” merupakan persoalan yang di garap oleh Iwan Simatupang dalam *Merahnya Merah*. Bincangkan dengan mengaitkan latar belakang sosio-politik setempat bagaimana watak-watak dalam novel ini mengorbankan harga diri dan nilai-nilai moral demi kelangsungan kehidupan mereka.  
(25 markah)
5. Bincangkan signifikan ‘metafora’ yang digunakan untuk judul *Debu Cinta Bertebaran* yang diberikan oleh Achdiat Karta Mihardja kepada karyanya. Apakah yang menjadi tema pengikat kepada episod-episod yang diceritakan ?  
(25 markah)
6. Bincangkan bagaimana angkatan-angkatan dalam kesusasteraan Indonesia moden itu terlahir dan siapakah tokoh-tokoh prolifik genre novel pada tiap-tiap angkatan?  
(25 markah)